

Elak kekeliruan Perkataan Islam dikaji semula

BH - 3 DEC 1990

KUALA LUMPUR, Ahad — Kerajaan akan mengkaji semula penggunaan perkataan 'Islam' pada nama parti politik untuk mengelakkan kekeliruan umat Islam mengenai pemahaman mengenai agama dan parti berkenaan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata nama Islam sepatutnya tidak digunakan oleh pihak yang berkepentingan dalam politik dan banyak lagi forum lain boleh dijadikan tempat mengembangkan Islam, selain masjid.

Beliau menjawab permintaan seorang perwakilan Umno supaya Kementerian Dalam Negeri mengharamkan Pas (Parti Islam SeMalaysia) daripada menggunakan perkataan Islam pada nama parti itu.

Berucap menggulung perbahasan pada hari terakhir Perimpunan Agung Umno, hari ini, Perdana Menteri juga berkata, masjid dan banyak tempat lain boleh digunakan untuk menjelaskan kefahaman mengenai Islam.

"Kerajaan sebenarnya sedar mengenai penyelewengan yang dilakukan oleh Pas dalam hal ini. Pas menggunakan agama untuk tujuan politik, sampai ada orang yang berpendapat, kalau dia naik kenderaan Pas, tidak kira seburuk mana pun, ia akan membawa mereka ke syurga.

"Sehubungan itu, kerajaan akan menimbang semula penggunaan perkataan Islam bagi nama parti politik kerana kita tidak mahu rakyat keliru dengan agama mereka," katanya.

Beliau berkata, langkah itu bukanlah bermotifkan politik kerana Umno, khususnya Barisan Nasional (BN) boleh menang bila-bila masa saja tanpa menggunakan isu Islam.

"Pas sebaliknya menggunakan agama untuk menipu rakyat. Faktanya ialah walaupun menggunakan isu agama, mereka (Pas) pernah tewas suatu masa dahulu dan akan kalah juga pada masa depan," katanya.

Mengenai ucapan wakil Terengganu, Haji Zubir Embong, berhubung tanduk Pas ketika berlangsungnya kempen pilihanraya umum lalu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, polis mungkin tidak mengawal keadaan secara menyeluruh kerana kekurangan anggota.

"Masalahnya, jika Haji Rahman Bakar (calon BN kawasan Parlimen Marang) melaporkan kepada kita, sudah tentulah beliau tidak kena kepung semacam itu," katanya ketika mengulas dakwaan bahawa rumah Haji Rahman dikepung oleh kira-kira 2,000 penyokong Pas.

"Kita sudah mengarahkan supaya polis mengawal keselamatan seketat mungkin, tetapi ada juga keadaan di mana orang ramai juga menangkap polis.

"Kita boleh bebaskan mereka, tetapi kita tidak berbuat demikian kerana kita mahu pihak yang terbabit menyedari kesalahannya mereka dengan sendiri," katanya.